

SOALAN TAMBAHAN

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.

- Pengarang : Selamat pagi, Encik Rashid. Apa khabar ?
Encik Rashid : Khabar baik. Silakan duduk.
Pengarang : Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Encik Rashid kerana terpilih sebagai Petani Jaya 2012.
Encik Rashid : Saya bersyukur dan bangga atas kejayaan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pemilihan ini, khususnya Jabatan Pertanian.
Pengarang : Boleh saya tahu mengapakah Encik Rashid berminat dalam bidang pertanian?
Encik Rashid : Oleh kerana tidak ramai yang berminat dalam bidang ini, maka saya terpenggil untuk menceburinya. Saya ingin buktikan bahawa bidang pertanian juga boleh menjanjikan pulangan yang lumayan dan memuaskan jika dibuat dengan bersungguh-sungguh dan terancang. Tambahan pula, pengalaman bekerja dalam bidang ini selama enam tahun menguatkan lagi hasrat saya.
Pengarang : Sejak bilakah Encik Rashid berjinak-jinak dalam bidang pertanian ?
Encik Rashid : Sebenarnya penglibatan saya bermula sejak sepuluh tahun yang lalu. Ketika itu saya mula-mula berkhidmat di jabatan pertanian di tempat saya. Namun, penglibatan saya secara serius ialah setelah saya meletakkan jawatan.
Pengarang : Siapakah yang membantu Encik Rashid dalam melaksanakan projek pertanian ini ?
Encik Rashid : Saya dibantu oleh isteri dan tiga orang anak. Di samping itu, saya mengupah lima orang belia di kampung ini. Manakala dua orang pegawai pertanian turut serta dalam memberikan khidmat nasihat.
Pengarang : Apakah nasihat Encik Rashid kepada semua petani di negara kita ?
Encik Rashid : Saya ingin menyeru agar semua petani menyahut seruan kerajaan dalam mempelbagaikan aktiviti pertanian di samping berusaha dengan lebih gigih. Bagi saya, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
Pengarang : Saya mewakili pihak Majalah Warisan Tani ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Rashid kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah. Semoga segala usaha murni yang Encik Rashid lakukan selama ini membuahkan hasil yang lumayan. Temu ramah ini akan disiarkan dalam majalah kami pada keluaran bulan hadapan.
Encik Rashid : Sama-sama.

- 1 Bilakah Encik Rashid terlibat sepenuh masa dalam bidang pertanian ?
A Sepuluh tahun yang lalu.
B Apabila menerima bantuan jabatan pertanian.
C Sesudah mendapat banyak pengalaman dalam pertanian.
D Selepas berhenti kerja sebagai pegawai pertanian di tempatnya.